



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director-General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E**  
*Level 8, Block E8, Complex E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. 5 (14)  
Tarikh : **31** Mac 2022

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 3  
TAHUN 2022**

**PENGOPERASIAN SEKOLAH DALAM BULAN RAMADAN BAGI SEKOLAH  
KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA**

Surat siaran ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pengoperasian Sekolah dalam bulan Ramadan bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Selaras dengan ketibaan bulan Ramadan setiap tahun, KPM ingin memastikan pengoperasian sekolah berjalan dengan lancar dan memberi ruang kepada guru serta murid pulang berbuka puasa dengan selesa.
3. Sehubungan dengan itu, KPM menetapkan waktu persekolahan adalah seperti berikut:
  - i. Sekolah sesi petang yang mempunyai **murid dan guru beragama Islam akan menamatkan sesi persekolahan seawal jam 5.30 petang bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia** manakala bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada jam 5.00 petang; dan

ii. Sekolah sesi pagi akan beroperasi seperti biasa.

4. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya surat siaran ini, maka Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 7 Tahun 2015: Waktu Persekolahan Dalam Bulan Ramadan bertarikh 17 Jun 2015 adalah **dibatalkan**.

5. YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK HAJAH NOR ~~ZAMANI~~ BINTI ABDOL HAMID)**

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Kanan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia